

(FOTO SHAHRINNAHAR LATIF/BH)



Dr Ahmad Fitri (kiri) bersama kumpulan penyelidik menunjukkan mesin pemotong mengkuang di UMP Pekan.

Penyelidik UMP cipta mesin pemotong daun mengkuang

➔ Peralatan elak pengusaha luka tertusuk duri, jana sumber ekonomi masyarakat luar bandar

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

➔ Pekan

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan mesin pemotong daun mengkuang bagi mengelakkan pengusaha produk berkenaan tercedera akibat tertusuk duri ketika memotong daun berkenaan. Inovasi berkenaan yang dijangka

mampu menjana sumber ekonomi masyarakat luar bandar, dihasilkan penyelidik Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP diketuai Pensyarah Kanananya, Dr Ahmad Fitri Yusop dan rakananya, Dr Mohd Adnin Hamidi, Dr Daing Mohamad Nafiz Daing Idris dan pelajar fakulti berkenaan, Mohamad Izzudin menerusi penyelidikan sejak dua tahun lalu.

Bantu pengusaha mengkuang
Ahmad Fitri berkata, idea menghasilkan mesin itu bermula pada penghujung 2015 apabila mereka dengan bantuan rakan dari Politeknik Kota Kinabalu, Sabah, Mohd Hafizil Mat Yasin dan Perowansa Faruka, bertemu pengusaha mengkuang di negeri itu yang mengalami kesukaran memotong daun berkenaan, termasuk mengalami luka berikutan durinya tajam.

Katanya, mesin itu beroperasi menggunakan motor elektrik serta mata pisau mudah dipasang dan menerusi maklum balas diterima daripada pengusaha mengkuang,

ia lebih cepat serta cekap berbanding proses menjangka atau memotong secara manual menggunakan tangan. "Pengusaha di sekitar daerah ini seperti di Tasik Chini yang menghasilkan produk cenderung memberikan maklum balas positif dan mereka turut memberikan cadangan penambahbaikan ke atas peralatan itu.

"Fasa pertama projek ini sudah disiapkan menerusi pembinaan prototaip, kini kami dalam fasa kedua dan dijangka siap pada penghujung tahun ini, membabitkan beberapa penambahbaikan, termasuk menjadikannya mudah untuk dimiliki, mampu mengeringkan dan mewariskan daun mengkuang," katanya kepada BH, baru-baru ini.

Katanya, pihaknya memperoleh Geran Prekomersialan UMP berjumlah RM26,000 bagi menyekang penyelidikan berkenaan, selain mendapat kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cabang Pahang, Politeknik Kota Kinabalu dan Wilayah Ekonomi

Pantai Timur.

"Pada masa depan kita merancang bekerjasama dengan Kraftangan bagi membolehkan mereka membeli mesin berkenaan untuk kegunaan pengusaha produk berasaskan daun mengkuang berskala kecil.

Sasar perluas produk ke seluruh negara

"Kami menyasarkan produk itu dapat diperluaskan ke seluruh negara dan membantu produk berasaskan mengkuang dari negara ini menembusi pasaran antarabangsa yang menjanjikan pendapatan lumayan," katanya.

Mengenai harga mesin berkenaan, Ahmad Fitri berkata, ia dianggarkan dijual pada harga RM2,000 hingga RM5,000 seunit, selain cuba mengurangkan lagi harga produk itu ke tahap mampu dimiliki semua pengusaha.

"Ketika ini, peralatan berkenaan menggunakan aluminium berkuatkuai serta motor elektrik berkuasa tinggi yang mampu bertahan lama," katanya.

Info

➔ **Mesin pemotong mengkuang** dihasilkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP diketuai Pensyarah Kanananya, Dr Ahmad Fitri Yusop berjaya memenangi pingat gangsa pada Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi 2016 (CITREX 2016)

➔ **Mesin berkenaan** mampu menghasilkan potongan daun mengkuang lebih singkat dan memaksimumkan pengeluaran.



Mesin itu beroperasi menggunakan motor elektrik serta mata pisau mudah dipasang dan menerusi maklum balas diterima daripada pengusaha mengkuang, ia lebih cepat serta cekap berbanding proses menjangka atau memotong secara manual menggunakan tangan "

Dr Ahmad Fitri Yusop,
Pensyarah Kanan
Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal UMP

BH PLUS

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

Unik
video layari

www.bharian.com.my